

B U K U P A N D U A N

CABANG

B U K U P A N D U A N

CABANG

Diterbit oleh
Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir
Salt Lake City, Utah

**For Non-Muslim
For Church use only
Not for sale**

© 2011 oleh Intellectual Reserve, Inc.
Hak cipta terpelihara
Dicetak di Amerika Syarikat

Kelulusan bahasa Inggeris: 3/01
Kelulusan Penterjemahan: 3/01
Penterjemahan *Branch Guidebook*
Malay
31179 348

Kandungan

Tujuan satu Cabang	1
Presidensi Cabang	3
Menemu Duga	7
Mendukung Ahli-ahli untuk Melayan dalam Jawatan Gereja	9
Mendukung dan Membebaskan	10
Menetapkan Ahli-ahli kepada Panggilan-panggilan	12
Tatacara-tatacara Injil dan Berkat-berkat	13
Tanggungjawab-tanggungjawab Ahli	14
Pertemuan	15
Tempat-tempat Pertemuan	20
Bahan-bahan Sumber	21
Kegiatan-kegiatan	22
Musik	23
Catatan dan Laporan	24
Perihal Kewangan	25
Latihan Kepimpinan	26
Memperoleh Bahan-bahan Gereja dan Menempatkan Informasi tentang Sejarah Keluarga	27

Pengedaran

Buku Panduan Cabang adalah untuk para pemimpin cabang yang baru ke Gereja dan tidak berpengalaman banyak dalam perihal Gereja. Ia juga berguna bagi para pemimpin pada kawasan yang lebih menubuh. Ia meringkaskan tujuan, organisasi, dan prosedur untuk mengurus satu cabang.

Tujuan satu Cabang



Semasa pelayanan fana-Nya, Yesus Kristus menubuhkan Gereja-Nya pada bumi ini. Selepas kematian-Nya, jemaah pengikut-Nya bertemu untuk bersembah; untuk mempelajari dan melaksanakan perintah-perintah-Nya; dan untuk melayan, mengilham, dan memperkuat satu sama lain. Juruselamat berjanji, "Apabila dua atau tiga orang berkumpul kerana Aku, Aku pun di situ bersama-sama mereka" (Matius 18:20).

Pada hari ini, ahli-ahli Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir diorganisasikan kepada jemaah. Jemaah yang kecil dipanggil cabang, dan setiap cabang dipimpin oleh seorang presiden cabang. Bila direstui oleh Presidensi Kawasan, seorang presiden misi boleh mengorganisasikan satu cabang apabila

ada sekurang-kurangnya dua keluarga ahli Gereja yang mendiami dalam kawasan dan salah seorang ahli itu adalah seorang lelaki yang layak yang memegang Imamat Melkisedek atau seorang imam dari Imamat Harun. Seorang yang layak ialah seorang yang sudah buat perjanjian dengan Tuhan, seperti perjanjian pembaptisan, dan yang berusaha dengan bersungguh-sungguhnya untuk menjaga perjanjian-perjanjian itu.

Presiden misi mengawasi cabang itu, dan presiden cabang bertanggungjawab terhadap presiden misi. Bila jumlah cabang yang cukup sudah ditubuh dalam satu kedekatan geografi yang munasabah di dalam satu misi, presiden misi, dengan kebenaran Presidensi Kawasan, boleh mengorganisasikan cabang-cabang ini kepada

satu daerah. Bila satu cabang adalah sebahagian daripada satu daerah yang sudah ditubuhkan, presiden cabang diurus oleh presidensi daerah yang melapor kepada presiden misi.

Gereja sudah menyediakan buku panduan ini untuk membantu pemimpin-pemimpin cabang untuk belajar tentang tanggungjawab panggilan mereka dan cara untuk melaksanakan mereka. Semua pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli Gereja diarah untuk menolong untuk mencapai misi Gereja, iaitu untuk menjemput semua orang untuk “datanglah kepada Kristus, dan disempurnakanlah dalam Dia” (Moroni 10:32). Untuk mencapai misi ini, para pemimpin menolong ahli-ahli:

- Mengisytiharkan injil Yesus Kristus kepada setiap negara, kaum, bahasa, dan orang. Mengongsikan injil dengan memberi kesaksian bila diperingatkan oleh Roh. Para mubaligh harus terus tolong menyokong penganut baru semasa peralihan mereka ke keahlian Gereja.
- Menyempurnakan Orang-orang Suci. Membantu para penganut baru bermaju dalam Gereja dengan memastikan bahawa mereka memiliki seorang sahabat dan satu

tugas dan dipupuk oleh firman Tuhan. Menerima tatacara-tatacara dan buat perjanjian injil, berusaha untuk mematuhi perintah-perintah yang mereka sudah janji, melayani saudara-saudari, menjaga yang miskin dan yang berkeperluan, dan berakan satu sama lain untuk membina komuniti Orang Suci.

- Menebus mereka yang sudah mati. Mencarikan nama-nama nenek moyang yang sudah meninggal dunia dan melakukan tatacara bait suci bagi mereka dengan sejauh mungkin untuk bersedia demi kemuliaan keluarga.

Buku panduan ini boleh membantu para pemimpin cabang, individu, dan keluarga mempelajari untuk hidup di bawah pengaruh Roh Kudus supaya pemenuhan panggilan Gereja mereka adalah satu hak istimewa dan satu kebahagiaan. Selain dari buku panduan ini, kitab-kitab suci, *Buku Panduan Pemimpin Imamat dan Pemimpin Badan Sokongan* (31178 348), *Buku Panduan Keluarga* (31180 348), *Buku Panduan Pengajaran* (31129 348), *Asas-asas Injil* (31110 348), *Information for Priesthood and Auxiliary Leaders on Curriculum* (36363), dan terbitan Gereja lain juga dapat membantu.

Presidensi Cabang



Bila mengorganisasi satu cabang, presiden misi atau presiden daerah dengan kebenaran dari presiden misi, dengan ilham dari Tuhan, memanggil dan menetapkan seorang lelaki yang layak yang memegang imamat Melkisedek untuk menjadi presiden cabang itu. Presiden misi atau presiden daerah menganugerahkan kunci-kunci presidensi ke atas presiden cabang itu. Jika tidak ada lelaki yang layak yang memegang imamat Melkisedek, seorang imam yang layak boleh dipanggil dan ditetapkan sebagai presiden cabang.

Sehingga adanya sekurang-kurangnya dua orang ahli dalam cabang itu memegang imamat Melkisedek, presiden cabang menjaga dan memperkuat ahli-ahli, sentiasa mengunjungi rumah mereka sebagai seorang pengajar

rumah, membimbing pertemuan sakramen, mengarah kegiatan cabang, dan menyiapkan laporan. Bila lebih banyak lelaki dalam cabang itu menerima imamat, presiden misi, di bawah bimbingan Roh Tuhan, boleh memanggil dua orang penasihat bagi presiden cabang dan seorang kerani untuk membantu dengan catatan cabang. Presiden dan dua orang penasihatnya adalah presidensi cabang itu.

Presiden cabang adalah gembala cabang itu, memimpin dengan kasih sayang dan belas kasihan demi semua ahli cabang. Dia menubuhkan satu teladan dengan mempersembah sebagai satu korban kepada Tuhan satu "hati yang hancur dan roh yang menyesal" (3 Nefi 9:20) dan memberi kesaksian tentang ketuhanan Tuhan, Yesus

Kristus. Dalam cabang itu, presiden cabang:

- Adalah pemimpin imam yang membimbing.
- Adalah hakim awam.
- Mengarah penjagaan kepada yang miskin dan yang berkeperluan.
- Mengurus perihal kewangan dan catatan cabang.

Ahli-ahli presidensi cabang menjaga dan memperkuat ahli-ahli cabang, membimbing pelaksanaan pembuka pertemuan imam, memimpin Imamat Harun, dan pertemuan sakramen.

Pemimpin Imam yang Membimbing

Sebagai seorang pemimpin imam, presiden cabang sudah diberikan kunci-kunci presidensi untuk melayani dalam kerja Tuhan dalam cabang. Dia memimpin, menjaga, dan memperkuat semua ahli cabang, dan mengajar mereka untuk menjadi bertanggungjawab dalam panggilan mereka. Bila cabang itu bertambah jumlah dalam keahlian, penasihat-penasihat dalam presidensi cabang, para pemimpin kuorum imam, dan pengajar-pengajar rumah membantu presiden cabang. Dia menggalakkan presiden kuorum orang tua-tua untuk memastikan bahawa pengajar-pengajar rumah ditugaskan dan setiap rumah tangga dikunjungi secara tetap. Laporan pengajaran rumah berkala dari presiden kuorum orang tua-tua menolong presiden cabang untuk menjadi sedar tentang keperluan ahli-ahlinya.

Presiden cabang mengawasi kuorum-kuorum, badan-badan sokongan, dan kegiatan-kegiatan dalam cabang, dengan tekanan di atas remaja putera Imamat Harun dan remaja puteri yang sama usia. Dia adalah presiden Imamat Harun dalam cabang. Dalam penjagaan remaja putera dan remaja puteri yang berusia 12 hingga 18 tahun, dia bertemu duga mereka secara tetap untuk membantu mereka untuk belajar dan mematuhi ajaran injil dan bersedia demi kehidupan depan mereka. Dia menekankan persediaan misi dan misi sepenuh masa bagi remaja putera dan remaja puteri yang berminat. Dia memanggil remaja putera untuk memimpin kuorum Imamat Harun. Dia juga memanggil ahli-ahli untuk memimpin badan-badan sokongan cabang (Lembaga Pertolongan, Remaja Putera, Remaja Puteri, Sekolah Primer, dan Sekolah Hari Ahad). (Lihat *Buku Panduan Pemimpin Imam dan Pemimpin Badan Sokongan* demi perincian yang lebih lanjut tentang badan-badan sokongan.) Dengan bantuan penasihat-penasihatnya, dia memanggil ahli-ahli untuk mengajar kelas-kelas dan melayan



dalam jawatan-jawatan cabang. Dia bertemu duga pemimpin-pemimpin kuorum dan badan-badan sokongan secara tetap untuk menerima laporan tentang panggilan mereka dan untuk menasihati mereka.

Presiden cabang memimpin pertemuan sakramen, pertemuan imam, dan pertemuan cabang lain yang dia hadiri, kecuali jika bila adanya seorang ahli dari presidensi daerah atau presidensi misi, Penguasa Tujuh puluh Kawasan, atau Orang Tua-tua dalam kehadiran. Presiden cabang menjemput penguasa-penguasa pemimpin untuk berduduk di depan. Dia berusaha dengan bersungguh-sungguhnya untuk memastikan segala pertemuan dan kegiatan membantu ahli-ahli untuk datang ke Kristus.

Presiden cabang mengarah dan memimpin kebanyakan tatacara injil (lihat *Buku Panduan Keluarga*). Dia memastikan setiap orang yang melakukan tatacara injil memiliki kuasa imam yang diperlukan, dan berke Layakan, dan mengikut prosedur yang betul. Dia meluluskan pentahbisan dan kemajuan dalam Imam Harun. Selepas berbincang dengan presiden daerah atau presiden misi, dia mencadangkan para saudara untuk menerima Imam Melkisedek dan ditahbis kepada jawatan orang tua-tua. Dengan kebenaran presiden misi, presiden daerah, presiden cabang, atau lelaki lain yang layak dan yang memegang Imam Melkisedek boleh menganugerahkan Imam Melkisedek dan mentahbiskan orang tua-tua.

Hakim Awam

Presiden cabang adalah seorang hakim awam bagi ahli-ahli cabang. Dia menemu duga mereka untuk menghakimi kelayakan mereka untuk memperoleh sijil rekomen bait suci, pentahbisan, panggilan, dan berkat bapa bangsa. Dia boleh menasihati ahli-ahli cabang yang mencirikan bimbingan rohani.

Untuk membantu presiden cabang dalam tanggungjawabnya sebagai hakim awam, Tuhan menjanjikannya kurnia kearifan. Jika dia layak menerimanya, kurnia ini membantunya untuk mengetahui apakah yang dalam hati seseorang. Kurnia ini menolongnya untuk mengetahui tentang perkara yang harus diucap dan dilakukan untuk menolong seseorang.

Bila ahli-ahli Gereja melanggar perintah, presiden cabang boleh menggalak mereka dan membantu mereka untuk bertaubat bila mereka mengakui dosa mereka kepadanya dan kepada Tuhan.

Jika seorang ahli melakukan satu dosa yang serius, disiplin rasmi Gereja, termasuk tempoh percubaan rasmi, gantungan keahlian, atau kesingkiran dari Gereja, mungkin diperlukan. Presiden cabang mengaji semula perihal itu bersama presiden misi, yang memutuskan sama ada nasihat disiplin diperlukan atau tidak. Di bawah arahan presiden misi, seorang presiden daerah atau presiden cabang yang memegang Imam Melkisedek boleh memimpin satu perbincangan disiplin. Perbincangan ini dijalankan

dengan roh kasih sayang. Perbincangan itu bertujuan untuk menolong orang yang bersalah itu untuk bertaubat dan dapat menikmati berkat-berkat injil yang penuh sekali lagi.

Jika presiden cabang itu seorang imam, dia tidak berkuasa untuk menjadi seorang hakim awam. Dalam situasi ini, presiden misi adalah hakim awam bagi ahli-ahli cabang.

Menjaga yang Miskin dan yang Berkeperluan

Presiden cabang mengajar ahli-ahli cabang untuk menjadi bergantung pada diri sendiri dan terus memberi sumbangan puasa untuk menolong memberi kepada mereka yang berkeperluan.

Dia mempunyai tanggungjawab yang kudus untuk mencarikan mereka yang miskin dan yang berkeperluan dan layak dalam cabang dan menggunakan sumbangan puasa untuk membantu mereka. Presiden kuorum orang tua-tua dan presiden Lembaga Pertolongan boleh membantu dia.

Mengikuti polisi Gereja, presiden cabang berputus tentang cara untuk menggunakan sumbangan puasa untuk menolong yang miskin dan yang berkeperluan.

Mengawasi Perihal Kewangan dan Catatan

Presiden misi menerima dan bertanggungjawab terhadap persepuluhan

dan sumbangan dari ahli-ahli cabang. Dia mengarah penggunaan dan aturan semua kewangan cabang, melaksanakan penyelesaian persepuluhan tahunan, dan memastikan catatan dan laporan cabang adalah tepat dengan polisi Gereja seperti yang diarahkan oleh presiden daerah atau presiden misi. Pemimpin Gereja tidak boleh gunakan wang Gereja tempatan demi mafaat persendirian dalam apa-apa situasi pun.

Dia memastikan ahli-ahli cabang yang memegang imamat mengumpulkan sumbangan puasa bulanan dengan cara yang beratur. Bila ahli-ahli berpuasa, mereka harus tidak makan atau minum buat dua hidangan dan berikan satu sumbangan puasa yang setara dengan nilai makanan dan minuman yang mungkin mereka makan.

Bila presiden cabang itu seorang imam, presiden misi mengawasi dermaan dan pembelanjaan cabang.

Secepat semungkin ia menjadi praktikal, presiden cabang harus memanggil dan melatih seorang kerani yang memegang imamat, yang membayar persepuluhan yang penuh, memiliki kesaksian injil yang kuat, dan menunjukkan kerelaan untuk mematuhi perintah-perintah Tuhan. Presiden cabang memastikan kerani itu mengikuti polisi Gereja dalam pengendalian wang Gereja.

Menemu Duga



Temu duga ialah satu pertemuan di antara seorang pemimpin dan seorang lain. Dalam satu temu duga, pemimpin menanya soalan-soalan, mendengar, mengajar, dan memberi naishat kepada orang lain itu. Temu duga menyediakan satu peluang untuk mengongsikan informasi atau laporan tentang tugas atau panggilan seseorang. Temu duga juga menyediakan satu peluang untuk memberi arahan dan nasihat. Temu duga adalah satu masa yang baik bagi seorang pemimpin untuk mengajar ahli-ahli tentang ajaran-ajaran, asas-asas, dan amalan Gereja, dengan menggunakan kitab-kitab suci sebagai sumber dan ajaran dari para nabi zaman akhir.

Presiden cabang menemu duga kanak-kanak yang hampir berumur lapan

tahun untuk menentukan persediaan mereka untuk dibaptis dan ditetapkan sebagai ahli Gereja bila sekurang-kurangnya seorang ibu atau bapa adalah ahli Gereja dan kedua-dua orang ibu bapa setuju demi pembaptisan itu. (Pemimpin mubaligh menemu duga calon pembaptisan yang berumur sembilan atau lebih tua dan kanak-kanak yang berumur lapan tahun dan kedua-dua orang ibu bapa bukan ahli Gereja untuk memastikan kelayakan calon demi pembaptisan dan penetapan.) Presiden cabang menemu duga ahli-ahli cabang untuk menentukan kelayakan untuk menerima imamat, untuk bermaju dalam pangkat imamat, atau melayan dalam panggilan Gereja. Presiden cabang dan presiden misi menemu duga ahli-ahli cabang

untuk memastikan kelayakan untuk menerima sijnil rekomen bait suci.

Cadangan-cadangan berikut akan membantu para pemimpin untuk bertemu duga dengan lebih berguna dan produktif.

1. Pilihkan satu tempat yang diam di mana temu duga tidak akan diganggu.
2. Memberitahu orang itu mengapa dia ditemu duga.
3. Menanya soalan dengan cara yang berbelas kasihan dan terus-terang.
4. Biarkan orang itu menanya soalan dan menunjukkan perasaannya.
5. Dengarkanlah apa yang diucapkan oleh orang itu.

6. Berikan nasihat, arahan, dan tugas dengan jelasnya.

7. Mengucap terima kasih dan menggalak orang itu dan, jika dipengaruhi oleh Roh, berikan kesaksian, bacakan kitab suci, dan berdoa bersama-sama. Bantu orang itu meninggal dengan perasaan yang kuat dan berharapan.

8. Membenarkan masa yang cukup untuk temu duga itu supaya orang itu tidak berasa tergesa-gesa.

Bila menemu duga seorang wanita, presiden cabang harus meminta seorang lelaki yang memegang imamat untuk berada dalam bilik di sebelah, lobi, atau ruang depan, jika mungkin.

Memanggil Ahli-ahli untuk Melayan dalam Jawatan Gereja



Bila memanggil ahli-ahli untuk melayan dalam jawatan Gereja, pemimpin imamat harus menemu duga setiap orang secara sulit untuk mengetahui sama ada orang itu layak untuk melayan atau tidak; sama ada orang itu berupaya, berkeinginan, dan mempunyai masa untuk melaksanakan panggilan itu; dan sama ada situasi keluarganya akan membenarkan dia untuk melayan.

Jika pemimpin itu merasa, melalui ilham, bahawa orang itu sesuai bagi jawatan itu, dia menanya orang itu untuk menerima panggilan, menjelaskan bahawa panggilan itu datang dari Tuhan. Dia menjelaskan dengan berterus-terang tentang tugas dan

berkat dari panggilan itu dan memberitahu orang itu dia akan dibebaskan selepas satu tempoh masa layanan yang sesuai.

Sebelum memanggil seorang wanita yang sudah kahwin ke satu jawatan, pemimpin harus berbincang dengan suaminya dan memastikan bahawa suami itu akan menyokong isterinya. Bila memanggil seorang lelaki ke satu jawatan, pemimpin harus memastikan bahawa isteri lelaki itu akan menyokong suaminya. Seorang pemimpin harus berbincang dengan ibubapa sebelum memanggil seorang kanak atau remaja untuk melayan dalam jawatan Gereja.

Mendukung dan Membebaskan



Bila ahli sudah menerima panggilan atau akan ditahbis kepada jawatan Imam Harun, seorang ahli dari presidensi cabang harus pastikan mereka didukung dalam pertemuan Gereja oleh orang yang akan mereka layani. Untuk melakukan ini, pemimpin yang membimbing pertemuan itu memperkenalkan nama-nama (dalam pertemuan sakramen bagi panggilan cabang atau dalam kelas atau kuorum bagi jawatan kelas atau kuorum) dan mintakan ahli yang dipanggil itu berdiri bila jemaah, kelas, atau kuorum mendukung mereka. Orang yang mempersembahkan nama-nama mereka yang didukung boleh berkata: "Kita sudah panggil [nama orang itu] untuk melayan sebagai [namakan

jawatan yang dipanggil] dan mengemukakan bahawa dia didukung dalam panggilan itu. Orang yang setuju boleh menunjuk demikian dengan menaikkan tangan. [Tunggu untuk mereka yang setuju untuk menaikkan tangan mereka.] Orang yang menentang, jika ada, boleh menunjuk demikian dengan menaikkan tangan. [Tunggu untuk mereka yang menentang untuk menaikkan tangan mereka.]"

Seorang ahli dari presidensi cabang boleh berbincang secara sulit dengan orang yang menentang. Ahli yang didukung itu harus menaikkan tangan untuk bersetuju dengan dukungan itu. Jika adanya dua atau lebih dari dua nama dipersembahkan, mereka boleh disokong secara kumpulan.

Bila membebaskan ahli-ahli dari jawatan Gereja, seorang pemimpin imamat menemu duga mereka, mengucapkan terima kasih dengan ikhlasnya demi perkhidmatan mereka, dan menjelaskan bahawa sudah datang masanya untuk pembebasan mereka. Dalam pertemuan sakramen, pemimpin yang membimbing mengumumkan pembebasan dari jawatan cabang.

Bila ahli-ahli dibebaskan dari jawatan kelas atau kuorum, pemimpin yang membimbing mengumumkan pembebasan dalam pertemuan kelas atau pertemuan kuorum. Dalam pengumuman pembebasan, pemimpin meminta ahli-ahli untuk menunjukkan penghargaan mereka dengan menaikkan tangan demi perkhidmatan dari setiap ahli yang dibebaskan.

Menetapkan Ahli-ahli kepada Panggilan-panggilan




Ahli-ahli yang dipanggil kepada jawatan Gereja harus ditetapkan sebelum mereka mula melayan (lihat A&P 42:11). Di bawah kewenangan yang memimpin, satu atau lebih dari satu orang lelaki yang memegang Imamat Melkisedek, termasuk seorang bapa atau suami yang layak, boleh mengambil bahagian dalam penetapan. Mereka meletakkan tangan mereka di atas kepala orang itu. Kemudian seorang akan berucap:

1. Panggil orang itu dengan nama penuhnya.
2. Nyatakan bahawa dia menetapkan orang itu dengan kuasa Imamat Melkisedek.
3. Menetapkan orang itu kepada jawatan yang dia dipanggilkan.
4. Berikan satu berkat seperti yang diarah oleh Roh.
5. Tutup dalam nama Yesus Kristus.

Bila menetapkan seorang presiden kuorum orang tua-tua, pengajar, atau dekon, presiden misi atau presiden cabang menganugerahkan kunci-kunci presidensi kuorum itu kepada orang yang ditetapkan.

Tatacara Injil dan Berkat



Tatacara imamat adalah satu perihal yang kudus yang diberikan oleh Tuhan dan dilaksanakan oleh hak kuasa imamat. Berkat imamat dikurniakan oleh kewenangan imamat untuk menyembuh, menyenangkan hati, dan memberi galakan. Saudara yang melakukan tatacara injil dan berkat mesti menyedia diri sendiri dengan berhidup selaras dengan asas-asas injil dan berusaha untuk dibimbing oleh Roh Kudus. Mereka melakukan setiap tatacara injil dan berkat dengan cara yang mulia. Setiap tatacara injil dan berkat harus dilakukan:

1. Dalam nama Yesus Kristus.
2. Oleh kewenangan imamat.

3. Dengan prosedur yang diperlukan, seperti perkataan tertentu atau minyak suci.

4. Bila diperlukan, tatacara injil mesti dibenarkan oleh pemimpin imamat yang sudah dilantik yang memegang kunci-kunci yang sesuai.

Tatacara yang memerlukan kebenaran pemimpin imamat adalah penamaan dan berkat kanak-kanak, pembaptisan dan penetapan, anugerah imamat dan pentahbisan ke satu jawatan imamat, memberkat dan menyerahkan sakramen, dan mendedikasikan kubur.

Lihat *Buku Panduan Keluarga* untuk arahan tentang tatacara injil dan berkat yang tertentu.

Tanggungjawab-tanggungjawab Ahli



Para pemimpin Gereja menjemput semua ahli Gereja, di manapun mereka berada, untuk menyokong misi Gereja dengan melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab yang asas, termasuk (1) mengongsi injil dengan memberi kesaksian bila diilham oleh Roh; (2) membantu individu dan keluarga untuk menyempurnakan mereka dalam perjalanan mereka menuju ke kebaqaan dan kehidupan abadi dengan berusaha untuk mematuhi perintah, melayani saudara-saudari mereka,

dan menerima tatacara dan perjanjian injil; dan (3) membantu individu dan keluarga dalam kerja mencari nenek moyang yang sudah mati dan menggalak mereka untuk menerima tatacara bait suci. Semua ahli Gereja menyokong misi Gereja dengan melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab ini. Untuk mendapati informasi yang lebih lanjut tentang tanggungjawab-tanggungjawab ini, lihat *Buku Panduan Keluarga*.

Pertemuan



Cabang di mana hanya presiden cabang sahaja yang memegang Imamat Melkisedek atau seorang imam dalam Imamat Harun mengadakan pertemuan sakramen dan pertemuan arahan injil Hari Ahad bagi ahli-ahli.

Cabang yang mempunyai kuorum orang tua-tua mengadakan pertemuan berikut selain daripada yang disebut dalam perenggan di atas:

1. Pertemuan Imamat
2. Pertemuan Hari Ahad bagi wanita, remaja puteri, dan kanak-kanak
3. Pertemuan jawatankuasa eksekutif Imamat
4. Pertemuan nasihat cabang

Di mana adanya jumlah ahli dan pemimpin-pemimpin yang cukup dan

adanya tempat-tempat pertemuan sedia ada, satu cabang boleh hentikan pertemuan Hari Ahad bagi wanita, remaja puteri, dan kanak-kanak dan boleh mengadakan pertemuan-pertemuan berikut selain daripada yang disebut dalam perenggan di atas:

1. Lembaga Pertolongan
2. Imamat Harun (Remaja Putera)
3. Sekolah Primer
4. Sekolah Hari Ahad
5. Remaja Puteri
6. Gabungan, di mana remaja putera dari Imamat Harun dan Remaja Puteri yang berusia sama bertemu secara berasingan atau bersama pada hari petang mingguan atau Hari Sabtu untuk kegiatan remaja

dan arahan di bawah pimpinan dan pengawasan presidensi cabang.

Pilihan untuk Jadual Pertemuan Hari Ahad

Information for Priesthood and Auxiliary Leaders on Curriculum menunjukkan pilihan bagi jadual pertemuan Hari Ahad.

Malam Keluarga

Setiap keluarga mengadakan malam keluarga dalam rumah mereka sekurang-kurangnya satu kali setiap minggu (lihat *Buku Panduan Keluarga*).

Pertemuan Sakramen

Presiden cabang membimbing pertemuan sakramen, di mana para saudara yang layak yang memegang imamat yang sesuai memberkat dan menyerahkan sakramen. Seorang presidensi cabang menjalankan pertemuan dan berusaha untuk memastikan pertemuan itu bermula pada masa yang tepat. Satu contoh agenda berikut:

1. Menyambut dan menetapkan suasana yang rohani
2. Pengumuman yang ringkas
3. Lagu rohani dan doa pembuka
4. Urusan cabang
5. Lagu rohani sakramen dan pentadbiran sakramen
6. Para pengucap berucap tentang subjek injil yang berdasarkan

kitab-kitab suci dan ajaran dari para rasul serta nabi-nabi zaman akhir

7. Di antara para pengucap, jemaah atau paduan suara cabang menyanyi, biasanya satu lagu rohani dari buku lagu rohani (opsional)

8. Lagu rohani dan doa penutup


Sekali sebulan, biasanya pada Hari Ahad pertama, pertemuan sakramen juga satu pertemuan puasa dan kesaksian. Ahli-ahli dijemput untuk datang dengan perangai berpuasa dan berdoa selepas tidak makan dan minum buat dua santapan jika kesihatan mereka membenarkannya.

Selepas sakramen diberkat dan diserahkan, ahli presidensi cabang yang memimpin pertemuan puasa dan kesaksian memberi kesaksiannya tentang Yesus Kristus dan injil dan kemudian menjemput ahli-ahli untuk memberi kesaksian mereka sehingga ketamatan pertemuan. Pertemuan itu tamat dengan lagu rohani dan doa. Sakramen diberkat dan diserahkan setiap pertemuan sakramen (lihat "Tatacara-tatacara Injil dan Berkat-berkat" dalam buku panduan ini).

Pertemuan Imamat

Pertemuan imamat diadakan sebelum atau selepas pertemuan sakramen. Seorang ahli dari presidensi cabang memimpin pelaksanaan pembuka. Satu sampel agenda berikut:

1. Menyambut dan menetapkan suasana rohani



2. Pengumuman dan urusan yang ringkas
3. Lagu rohani dan doa pembuka
4. Pemisahan ke kuorum-kuorum demi urusan dan arahan
5. Doa penutup dalam kuorum-kuorum

Selepas pelaksanaan pembuka, semua lelaki (19 dan ke atas) bertemu dalam pertemuan kuorum orang tua-tua, yang dipimpin oleh presiden kuorum orang tua-tua.

Semua remaja putera (12 hingga 18 tahun) bertemu dalam pertemuan kuorum Imam Harun, yang dipimpin oleh presiden cabang. Bila bilik pertemuan dan jumlah ahli terhadap remaja putera Imam Harun boleh bertemu dengan saudara Imam

Melkisedek. Tetapi, bila jumlah remaja putera cukup, dan adanya pemimpin dewasa dan bilik pertemuan yang cukup, para deakon, pengajar, dan imam bertemu dalam kuorum berasingan. (Lihat *Buku Panduan Pemimpin Imam dan Pemimpin Badan Sokongan*.)

Pertemuan Hari Ahad bagi Wanita, Remaja Puteri dan Kanak-kanak

Dalam cabang di mana adanya jumlah saudara dan kanak-kanak yang terlalu sedikit untuk menubuhkan pertemuan secara badan sokongan berasingan, presiden Lembaga Pertolongan memimpin pelaksanaan pembuka. Pertemuan boleh termasuk:

1. Menyambut dan menetapkan suasana rohani

2. Pengumuman dan urusan ringkas
3. Lagu rohani dan doa pembuka
4. Lagu rohani dan lagu kanak-kanak
5. Arahan oleh presiden Lembaga Pertolongan atau kelas-kelas berasingan
6. Doa penutup

Bila tidak adanya tempat untuk pelaksanaan pembuka yang berasingan dalam cabang yang kecil, lelaki, wanita, dan kanak-kanak bertemu bersama-sama untuk pelaksanaan pembuka bersekutu yang dipimpin oleh presiden cabang.

Bila cabang itu berkembang, remaja puteri (umur 12 hingga 18) boleh bertemu dengan Lembaga Pertolongan dan kanak-kanak (umur 3 hingga 11) bertemu di bawah arahan seorang saudara yang ditugaskan oleh presiden cabang.

Bila Lembaga Pertolongan, Remaja Puteri, Sekolah Primer, dan Sekolah Hari Ahad ditubuh dalam satu cabang, Lembaga Pertolongan dan Remaja Puteri bertemu berasingan pada Hari Ahad pada masa yang sama seperti pertemuan imam. Sekolah Hari Ahad bertemu selepas pertemuan imam. Sekolah Primer diadakan pada masa yang sama seperti pertemuan imam, Lembaga Pertolongan, Remaja Puteri, dan Sekolah Hari Ahad. Pelaksanaan pembuka Sekolah Primer dan waktu perkongsian dilaksanakan setengah masa itu, dan arahan kelas dilaksanakan setengah masa. Dalam pertemuan badan sokongan, para ahli berdoa,

menyanyi lagu rohani, mengajar dan belajar tentang injil dengan menggunakan bahan-bahan yang disebut dalam *Information for Priesthood and Auxiliary Leaders on Curriculum*.

Pertemuan Jawatankuasa Eksekutif Imamat

Jawatankuasa Eksekutif Imamat terdiri daripada presidensi cabang, kerani, setiausaha eksekutif, presiden kuorum orang tua-tua, presiden Remaja Puteri cabang, dan pemimpin misi cabang (bila dipanggil). Jawatankuasa ini bertemu sebanyak yang diperlukan untuk mengkoordinasikan kegiatan, program dan perkhidmatan cabang untuk memastikan mereka memperkuatkan keluarga dan individu dan menemui keperluan ahli-ahli. Presiden cabang memimpin. Jawatankuasa membincang dan mengkoordinasikan tanggungjawab imam seperti pengajaran keluarga, kerja mubaligh, dan kerja bait suci serta sejarah keluarga.

Pertemuan Penasihat Cabang

Presiden cabang, kerani, setiausaha eksekutif, presiden kuorum orang tua-tua, presiden Remaja Puteri cabang, dan pemimpin misi cabang (bila dipanggil); presiden Lembaga Pertolongan, Remaja Puteri, Sekolah Primer, dan Sekolah Hari Ahad; serta penyalah perbaiki guru cabang bertemu sebagai penasihat cabang. Dalam pertemuan ini para penasihat mencari cara untuk memperkuatkan individu dan keluarga secara rohani;



membantu mereka dalam persediaan untuk menerima tatacara bait suci; memperbaiki pengekalan ahli baru; mengajar asas-asas untuk menjaga yang miskin; menghubungkan program-program cabang, kegiatan, dan perkhidmatan; dan menyelesaikan masalah dalam cabang. Presiden Lembaga Pertolongan membincangkan keperluan wanita, remaja puteri, dan kanak-kanak dalam cabang bila presiden

Remaja Puteri dan Sekolah Primer belum dipanggil. Presiden cabang menjemput idea-idea dan cadangan dan membantu yang lain untuk mengambil bahagian dengan sepenuhnya dalam perbincangan, membuat keputusan, dan merancang. Dia menimbangkan cadangan-cadangan mereka dengan berhati-hati bila membuat rancangan dan memberikan tugas.

Tempat-tempat Pertemuan



Malam Keluarga diadakan dalam rumah ahli-ahli. Semua pertemuan cabang yang lain diadakan dalam satu rumah, satu bangunan sewa, atau bangunan yang dimiliki oleh Gereja. Presidensi misi boleh menyediakan informasi tentang mendapati dan

menjaga satu tempat pertemuan bagi cabang. Para pemimpin juga boleh memberi informasi tentang menyewa satu tempat pertemuan dan tentang kelayakan untuk membina satu bangunan yang dimiliki oleh Gereja.

Bahan-bahan Sumber



Gereja menerbitkan bahan-bahan sumber untuk membantu ahli-ahli mempelajari dan menghidup injil Yesus Kristus. Bahan-bahan ini termasuk kitab-kitab suci, buku petunjuk pelajaran, *Liahona*, seni injil, dan buku-buku panduan. Bahan-bahan Gereja berdasar dari kitab-kitab suci dan kata-kata para nabi zaman akhir. Bahan-bahan bagi satu cabang mengandung bahan kurikulum yang *asas* atau *umum* atau gabungan kedua-dua ini (lihat *Information for Priesthood and Auxiliary Leaders on Curriculum*). Di mana adanya *Liahona*, setiap keluarga dalam cabang itu harus melanggan.

Setiap tahun jawatan kawasan atau pusat distribusi hantarkan buku petunjuk pelajaran, bahan-bahan sumber yang

lain, dan informasi tentang memesan salinan tambahan atau bahan-bahan lain yang sudah diluluskan ke cabang.

Para pemimpin cabang harus menyimpan bahan-bahan sumber ini dalam bangunan di mana pertemuan cabang diadakan atau dalam rumah seorang ahli. Para pemimpin harus memberitahu ahli-ahli bahawa bahan-bahan itu sedia ada dan harus menggalakkan penggunaan bahan-bahan itu demi persediaan pelajaran dan ucapan dan pengajian peribadi. Para guru boleh diberikan buku petunjuk kelas atau buku petunjuk kuorum, tetapi mereka harus digalakkan untuk memulangkan bahan-bahan itu kepada cabang atau bahagian bila mereka dibebaskan sebagai guru.

Kegiatan-kegiatan



Di bawah arahan para pemimpin cabang, cabang itu merancang dan menjalankan kegiatan-kegiatan yang menemui keperluan ahli-ahlinya. Tetapi, kegiatan-kegiatan cabang tidak harus bertanding dengan kegiatan keluarga atau mengganggu kehidupan keluarga. Semua kegiatan harus mudah untuk mengelakkan pengecualian

sesiapa pun kerana kos. Semua perihal perbelanjaan dana memerlukan kebenaran dari presidensi cabang. Kegiatan yang dirancang untuk hari Ahad harus sesuai bagi hari Sabat. Tidak ada sebarang kegiatan pun boleh dirancang pada hari petang Isnin kerana hari itu adalah untuk malam keluarga.

Musik



Lagu rohani Gereja dan musik lain yang sesuai, walaupun dimain atau dinyanyikan, adalah penting dalam pertemuan Gereja, dalam rumah, dan dalam kehidupan peribadi. Musik yang sesuai boleh didapati dalam *Asas-asas Injil, Hymns, the Children's*

Songbook, dan *Hymns and Children's Songs*, yang boleh didapati dalam beberapa bahasa. Pendidikan musik dan papan kekunci musik boleh disediakan bagi mereka yang melayan atau yang akan melayan dalam panggilan musik.

Catatan dan Laporan

Tuhan memerintah Gereja untuk menyimpan catatan. Empat jenis catatan, bertujuan untuk menolong pemimpin untuk menyokong ahli-ahli dan borang-borang sudah disediakan, adalah:

- Catatan perihal kewangan (sumbangan ahli dan laporan kewangan bulanan).
- Laporan perkembangan ahli (kehadiran ahli dan penganut baru dalam jawatan imamat).
- Rekod keahlian (informasi ahli, termasuk tatacara injil).
- Catatan Sejarah (dukungan ahli jawatan dan catatan kegiatan).

Dalam penyimpanan dan persediaan catatan-catatan ini, presiden cabang harus mengikut arahan presiden misi. Dia boleh memanggil seorang kerani cabang untuk menolongnya untuk menyimpan catatan-catatan.

Di bawah arahan presiden misi, para pemimpin cabang diajar tentang kepentingan dan kegunaan catatan dan laporan dan untuk mencatatkan kejadian bersejarah yang penting dalam cabang dan bahagian. Informasi sulit catatan Gereja harus dijaga dengan berhati-hati oleh mereka yang mengendalikan catatan-catatan kudus ini.

Perihal Kewangan



Tuhan memberi peluang kepada setiap ahli Gereja untuk menerima berkat yang kaya dengan membayar persepuluhan dan sumbangan serta dermaan yang lain. Ahli-ahli membayar satu persepuluh dari pendapatan mereka sebagai persepuluhan. Sebagai tambahannya, mereka dijemput untuk berpuasa dua santapan setiap bulan pada hari Ahad Puasa dan berikan sekurang-kurangnya nilai dua santapan itu kepada Gereja untuk menjaga mereka yang miskin dan yang berkeperluan

dalam cabang. Ahli-ahli juga dijemput untuk menderma dana kepada kerja mubaligh Gereja, pembinaan bait suci, dan usaha Gereja yang lain.

Di mananya mungkin, dua orang saudara yang memegang imamat harus membuka sampul surat yang mengandungi persepuluhan, sumbangan, dan dermaan lain, harus menyiapkan resit, dan harus deposit atau menjaga wang itu seperti yang diarah oleh presiden misi.

Latihan Kepimpinan



Para pemimpin imamat misi mengajar pemimpin imamat cabang cara untuk memimpin cabang, untuk melaksanakan tanggungjawab asas imamat, dan untuk membantu ahli-ahli gunakan kuasa imamat dalam kehidupan mereka. Para pemimpin imamat misi memberi bimbingan kepada pemimpin badan sokongan cabang dalam pelaksanaan tanggungjawab mereka.

Pemimpin imamat misi memastikan bahawa setiap cabang mempunyai bahan-bahan yang diperlukan supaya cabang boleh berfungsi dengan majunya sebagai satu unit Gereja.

Untuk informasi tambahan tentang kepimpinan, lihat *Buku Panduan Pemimpin Imamat dan Pemimpin Badan Sokongan*.

Memperoleh Bahan-bahan Gereja dan menempatkan Informasi tentang Sejarah Keluarga

Para pemimpin tempatan dan ahli-ahli lain boleh memperoleh bahan-bahan Gereja, termasuknya kitab-kitab suci, kursus pengajian, majalah Gereja, pakaian suci, dan pakaian bait suci, dari pusat pengedaran Gereja atau pusat pelayanan, dari Salt Lake

Distribution Center, atau melalui internet, www.lds.org.

Informasi tentang kerja sejarah keluarga boleh didapati pada internet sejarah keluarga Gereja, iaitu www.familysearch.org.

GEREJA
YESUS KRISTUS
ORANG SUCI
ZAMAN AKHIR

